

# Pelajar seni muzik UMS lancar album 18 April ini

NST 16.4.2019 9

Oleh ALMAWATI RAKIM

**BUAT julung kalinya, pelajar tahun 2 Fakulti Ke-manusiaan Seni dan Warisan program Seni Muzik, Universiti Malaysia Sabah bakal melancarkan sebuah album.**

Album berjudul *Encarnacion* ini merupakan hasil kerjasama antara pelajar sebagai memenuhi tugas akhir mereka.

*Encarnacion* bakal di lancarkan pada 18 April ini di Foyer Sekolah Pengajian Seni UMS.

Menurut satu kenyataan yang dihantar kepada Hiburan NST, album ini dianggap unik kerana seratus-peratusnya dibuat oleh para pelajar termasuk daripada penulisan lirik, composer dan juga penyanyinya.

Ianya adalah untuk menengahkan idea-idea yang lama mahupun baharu secara tidak langsung memberi peluang kepada mereka (pelajar) terutama artis-artis baharu yang bakal mewarnai bidang seni.

Antaranya Richie Ronaldo Jibon, Matteo Ricci Tony, Mohd Safwan Shahrin, Marlinus Julian, Clarence Endry@Gimpau, Vivianetha Affera Maikol, Lee Xiang Moi, Filex Majinar, Gan Ka Wai, Shafiq Waris, dan Dayang Nurazreen Salvador.

Album *Encarnacion* mengandungi 10 lagu yang

pastinya memberi kelainan samada genre dan juga lagunya.

"Kebanyakan album pada masa ini hanya lagu tidak melebihi daripada 5 lagu ataupun hanya single. Tapi untuk *Encarnacion* ada 10 lagu dihasilkan," menurut kenyataan itu lagi.

Apa yang pasti album ini biarpun dihasilkan oleh pelajar-pelajar, namun ia tidak boleh dipandang ringan kerana album ini turut mendapat sentuhan daripada artis yang tidak asing lagi yang juga merupakan producer, Andrew Poninting.

Disamping khidmat nasihat daripada Roslee Bin Hj. Wahid yang juga merupakan salah seorang pensyarah Program Seni Muzik yang mengajarkan subjek Perniagaan Muzik, yang memerlukan pelajar untuk melancarkan album ini sebagai salah satu tugas dalam subjek ini.

Album ini amat sesuai dengan para pendengar yang terdiri daripada lapisan masyarakat, kerana genre yang disajikan adalah berlainan seperti ada ballad, pop, malah terdapat juga lagu rap, yang mampu memberi kepuasan kepada telinga pendengar.

Selain daripada genrenya yang berbeza, album ini turut menampilkan sisi lain iaitu menggunakan lima bahasa iaitu bahasa Dusun, Rungus, selain daripada En-

glish, Cina dan tentunya bahasa Malaysia.

Menerusi gabungan daripada mereka yang berbakat samada baharu mahupun yang lama, album ini pastinya akan memberi satu pengalaman ataupun makna yang mendalam buat para pelajar tahun 2 fakulti ini melalui program Seni Muzik.

Pelancaran album ini membuktikan bahawa pelajar-pelajar ini bukan sahaja hebat dalam bermain muzik, tetapi juga pakar dalam perniagaan dan produksi muzik.

Selain daripada itu, dengan terhasilnya album *Encarnacion* menjadikan mereka (pelajar) mampu berdaya saing dalam industri muzik negara.

Lagu-lagu yang terkandung dalam album ini seperti Ingin *Memilikimu* penyanyi/lirik/lagu dihasilkan oleh Richie, *Maafkan Aku* oleh Matteo (composer Matteo, lirik Shannen Henry), *Ika Noh Songulun* (penyanyi/lirik/lagu; Filex), *Masih Berharap* (penyanyi; Richie, Lirik/lagu Shafiq), *Goodbye* (penyanyi, lirik dan lagu Gan Ka Wai).

*Okon Ko Salahku* (penyanyi; Clarence Endry@Gimpau, lirik dan lagu; Endry), *Forever Gone* (penyanyi; Dayang, lirik dan lagu; Mohd. Safwan), *Broken* (penyanyi; Apple Koh, lirik dan lagu Lee Xiang), *Kohung-kohung* (penyanyi lirik dan lagu, Vivianetha) dan lagu no 10 ialah dinyanyikan malah lirik dan lagunya oleh Marlinus.